

	Muka
Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei kepada PELITA BRUNEI	1
Uchap Selamat British Resident Brunei kepada PELITA BRUNEI	2
Suasana Politik di Brunei	3
Pendaftaran Party Ra'ayat Chawangan Brunei	5
Pendaftaran Pertubohan ² di Brunei	6
Belon ² Chuacha di Brunei	6
Pesuruh Jaya Gaji Melawat Brunei	7
Pesuruh Jaya Agong Tenggara Asia melawat Brunei	8
Jawatan DYMM Sultan Brunei ka SOAS College Brunei	9
Penuntut ² Brunei di England dan di Australia	10
Guru ² Perempuan ka Maktab Perguruan Kent	11
Pusat Latehan Guru ² Melayu Negeri Brunei	12
20 Orang Penuntut ² di Brunei lulus Peperiksaan Sarawak Jun. Cert.	12
Peperiksaan Kerani ² Jawatan Rendah	13
Dato Maharaja Setia	13
Inche' Suhaimi ka Kuching	13
Wartawan Inggeris melawat Brunei	13
Jawatan Kuasa Kewangan Negeri Brunei	14
Dr. Wallace tiba di Brunei pada 23 February.....	14
9 Pembesar ² di Borneo dikurniakan Gelaran Tahun Baharu	15
Lantekan Baharu Pegawai ² Kerajaan Brunei	16
AL-ISLAM DZAHIR	16
Peraduan Silat dan Kuntau seluruh Brunei 1956...	17
Brunei Sports Club	17
Perlawanan Bola Sepak Sekolah ² seluruh Brunei	18

"Maka lah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei hendak berkehi-
lapan yang akan datang dan berhubung dengan semua jir-
and kita dari dalam yang kebanyakan, mengokohkan tali per-
hubungan dan pertolongan untuk kesejahteraan dan kesentosa-
an kita sekalian sebagai ahli² yang terkandung dalam lang-
kapan British Commonwealth of Nations.



TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BRUNEI

KAPADA "PELITA BRUNEI"

Saya sangat sukachita mengetahui yang Pejabat Penerangan kita telah mengeluarkan berita Kerajaan "PELITA BRUNEI" yang akan dapat dibaca oleh penduduk2 Negeri, terutama oleh penduduk2 yang jauh dari pekan2, yang diam didarat2 dan diulu2. Saya per-chaya berita yang dapat mencheritakan perjalanan dan usaha2 Kerajaan dari satu masa kasatu masa akan memberi peluang kapada penduduk2 semua mengikuti atas keadaan kemajuan Negeri, dan perkhidmatan2 yang dijalankan bagi kebajikan mereka.

Saya sangat sukachita dapat peluang menyampaikan amanah kapada sekalian penduduk2 negeri yang dikasehi menerusi keluaran "PELITA BRUNEI" ini. Ini adalah lagi satu daripada usaha2 perkhidmatan Kerajaan dalam perkara memberi penerangan kapada ramai, dan saya berharap mudah2an maju dan jaya "PELITA BRUNEI" dalam usaha2nya.

Kita haruslah mengetahui bahawa Kerajaan sentiasa berusaha kuat untuk berkhidmat kapada ramai dalam berbagai2 ranchangannya menuju kebaikan dan kemajuan Negeri. Pertimbangan2 dan pertadbiran2 yang sebaik2nya sangat mustahak untuk mengusahakan ranchangan2 perkhidmatan itu. Banyak kesukaran2 dan halangan2 yang dihadapi oleh Pegawai2 yang diberi tugas melaksanakannya, yang tidak chukop difaham atau diketahui oleh separoh daripada orang2 kebanyakan, yang terpaksa mengambil masa dan tenaga yang lebeh.

Dalam keadaan yang demikian sudah tentu kadang2 ra'ayat terduga dengan perasaan yang kurang puas hati. Suasana yang sarupa ini bukan sahaja akan didapati dalam Negeri kita Brunei ini, yang maseh muda lagi dalam usaha perkembangannya, tetapi juga dialami oleh semua negeri2 yang besar di dunia luar yang luas ini. Kerajaan tidaklah akan berjaya dengan usaha2nya sendiri sahaja untuk kemajuan Negeri. Kerjasama yang sapenohnya dari ra'ayat serta timbangrasa dan sama faham akan segala kesukaran2 dan kepayahan2 yang dihadapi oleh Kerajaan adalah sangat2 dikehandaki supaya menjayakan ranchangan2 kemajuan dan perkembangan Negeri kita.

Kita tentu sama...

Kita tentu sama mengetahui bahawa banyak ranchangan2 perkhidmatan ini sedang dijalankan, seperti: Ranchangan Pelajaran, yang berusaha memberi pelajaran2 dan didekan2 sekolah kepada anak2 Negeri dengan membangunkan beberapa banyak sekolah diseluruh Negeri; Ranchangan Pension Umur Tua, yang berusaha memberi pertolongan kepada penduduk2 Negeri yang tua yang tidak larat lagi menohari nafkahnya; Ranchangan Kesehatan, yang berusaha memelihara dan memperbaiki kesehatan ra'ayat dalam Negeri dengan mengadakan rumah2 sakit, clinic2, tabib2 dan lain2 pegawai yang mustahak; Ranchangan Bantuan Menanam Getah Semula dan Getah Baharu, dengan tujuan menguatkan perdirian iktisad anak negeri diantara pekebun2 getah kechil dalam Negeri ini, dan lain2 lagi.

Ini adalah sebahagian kechil daripada ranchangan2 yang sedang dan akan diusahakan oleh Keraja'an. Tetapi jika tidak dengan bantuan, faham dan kerjasama dari penduduk2 sekalian kesemuanya harus tidak akan berjaya dengan chukop sempornanya.

Oleh itu saya berharap benar supaya semua ra'ayat saya yang dikasehi dalam Negeri Brunei Darul Salam ini bersama2 berusaha dengan bersungguh2nya menuju perkembangan Negeri kita yang kemajuannya kita semua chita2kan itu, serta untuk meninggikan bersama taraf penduduk2 supaya dapatlah kita sekaliannya dudok dalam aman dan sentosa.

Saya ucapkan selamat diatas kadzahiran PELITA BRUNEI dan harap ia berkekalan maju, serta menjadi suatu kaguna'an besar kepada, dan diperhargakan oleh, sekalian para pembachanya.

OMAR ALI SAIFUDDIN

× UCHAP SELAMAT BRITISH RESIDENT BRUNEI

KAPADA "PELITA BRUNEI"

Saya sangat sedar kekurangan sebarang naskhah2 untuk memberikan berita2 Keraja'an kepada orang ramai yang tinggal di daerah2 pedalaman luar bandar Negeri ini. Saya sangat2 berharap dengan lahirnya naskhah berita "PELITA BRUNEI" ini maka akan dapat di isi kekurangan itu.

Saya ucapkan selamat kepada "PELITA BRUNEI" dan Pegawai Penerangan Negeri serta kepada kesemua anggota Pejabat Penerangan Keraja'an Brunei, semoga maju jaya dalam usahanya yang baharu ini.

J.O. GILBERT

SUASANA POLITIK DI BRUNEI

SUASANA politik di Persekutuan Tanah Melayu dan di Singapura adalah sedang diperbinchangkan dengan hebat dan hangat oleh ra'ayat jelata sahingga perkara itu sudah pun merebak ka Brunei.

Bertambah2 pula dalam masa yang singkat ini, sudahlah monchol sabuah pertubohan politik yang baharu di Ibu Kota Persekutuan Tanah Melayu yang dinamakan "PARTY RA'AYAT".

Di Brunei juga perkara itu tidak pun ketinggalan, kerana sedikit masa yang lalu kira2 150 orang Melayu disini telah mengadakan satu perjumpaan yang besar hendak menubuhkan Party Ra'ayat Malaya, Chabang Brunei.

Para hadzirin di Majlis tersebut juga telah menerima Rang Undang2 Party Ra'ayat, Chabang Brunei dan melantek sabuah Jawatan Kuasa Tadbir bagi menjalankan pertadbiran Party itu.

Mengikut "Manifesto" atau dasar yang dikeluarkan oleh Party Ra'ayat, Chabang Brunei itu, diantaranya ialah :-

Mempertahankan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei dengan segala keturunan2 Duli Yang Maha Mulia mendudoki Takhta Kerajaan Brunei dengan Dasar Perlembagaan;

Mengakui sechara mutlak atas hak kerabat Diraja, baik ekonomi mahu pun politik;

Memperjuangkan kemerdekaan bagi seluroh kepulauan Melayu yang berdaulat dengan sechara Perlembagaan;

Menentang segala bentok rupa penjajahan dalam lapangan politik, ekonomi dan sosial;

Mewujudkan negara Melayu Merdeka yang berdaulat kedalam dan keluar, demokratik dan menjamin keselamatan ra'ayat seluruhnya.

Melihat kapada Dasar2 Party Ra'ayat Malaya, Chabang Brunei itu berkenaan dengan perkara mempertahankan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dengan segala Keturunan Baginda mendudoki Takhta Kerajaan Brunei, dapatlah kita tegaskan sahingga kahari ini Negeri Brunei yang berdaulat ini telah mempunyai Sultan yang mendudoki Takhta Kerajaan ini samenjak zaman perbakala, iaitu daripada Sultan Brunei Yang Pertama, yang digelaran Paduka Sri Sultan Mohamed, dan terus Negeri ini diperintahkan oleh Keturunan2 Merhum sahingga kamasa ini.

Jadinya, tidaklah ...

Jadinya, tidaklah wajib sasabuah Party Politik membuat ranchangan bagi mempertahankan kedudukan Sultan² Brunei dengan segala Keturunan² Sultan Brunei, kerana Negeri Brunei yang berdaulat ini akan TETAP dikuasai oleh Yang Dipertuan Negeri ini sendiri selagi bersinar peredaran chekerwala mata hari dan bulan.

So'al menentang segala bentok rupa penjajahan dalam lapangan ekonomi, sosial dan seterusnya di Brunei sebagaimana yang terkandung dalam Dasar Party Ra'ayat itu, dapat juga kita tegaskan bahawa mata-dunia sudah pun ketahuhi bahawa Kerajaan Brunei telah mengeluarkan berjuta² ringgit bagi membantu anak² Negeri ini dan masharakat saumomnya dalam berbagai lapangan seperti memberi pelajaran perchuma, menghantarkan penuntut² sekolah dan Pegawai² Kerajaan bagi mempelajari ilmu yang tinggi diluar negeri seperti di England dan di Australia dalam hal ehwal Pertadbiran Awam dan Kemasharakatan, Ilmu Undang², Pertanian, Police, Jerutera dan sebagainya.

Sebagai membuktikan tentang kata² kita tersebut, dapatlah kita terangkan bahawa pada tahun 1953, Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangannya, telah pun mengeluarkan perbelanjaan sebanyak \$ 100,000,000 untuk perkembangan Negeri ini selama 5 tahun, iaitu antara tahun 1953 dan 1958.

Ranchangan Perkembangan Negeri Brunei itu adalah mengenai hal ehwal Pelajaran, Pertolongan² Awam, Pertanian, Perubatan, Perhubungan Jalan Raya, Membesarkan Pelabohan, Mengadakan Lapangan Terbang, Membangunkan Rumah Sakit yang besar di Kuala Belait, memberi latehan kepada Jerurawat, Memperelokan bentok bandaran dan sebagainya.

Seterusnya dapatlah kita tegaskan juga bahawa dengan perjanjian² yang diselenggarakan dengan pehak Kerajaan Borneo Utara, maka beberapa orang Guru² Perempuan dari Brunei sudah pun dihantarkan oleh Kerajaan Brunei untuk mempelajari Ilmu Perguruan di Maktab Perguruan Kent, Tuaran, Jesselton.

Selain daripada itu, pehak Kerajaan Brunei juga tidak lupa memberi pertolongan kepada Pegawai² Kerajaan yang bersara dari jawatan masing² dengan mengadakan Pension.

Sekarang kita kembalikan pula kepada so'al Politik. Sebagaimana yang diketahui oleh masharakat, mendirikan sasabuah Party Politik adalah memang elok dan juga perkara itu memanglah kewajipan ra'ayat jelata bagi membantu dan memperbaiki kesenangan dan keselamatan negeri yang sesuai dengan Dasar Perlembagaan sasabuah negeri itu.

Sebaleknya, memandang kepada Keadaan Negeri Brunei yang pada masa sekarang mempunyai saorang Sultan yang berdaulat dan yang sentiasa berusaha bagi memajukan negeri dan memberi kema'moran kepada seluruh ra'ayat di Brunei, dan seterusnya memandang kepada keadaan ra'ayat Brunei yang hidup dalam keadaan aman dan damai, maka tidaklah shak lagi kita tegaskan bahawa nana² Party Politik di Brunei ini saharusnyalah nensesuaikan Dasar Perjuangan Partynya dengan keadaan Negeri Brunei dan untuk berkhidmat kepada anak negeri, bukanlah untuk kepentingan sesuatu puak yang luar dari Negeri ini.

PENDAFTARAN PARTY RA'AYAT CHAWANGAN BRUNEI

Samenjak tersiarnya berita sabuah party politik akan ditubuhkan di Brunei pada bulan January yang lalu, maka didapati banyak diantara orang2 ramai di Brunei menyangka bahawa Kerajaan Brunei telah merasmikan pendaftaran pertubohan politik itu dan mereka terus menanda tangani menjadi ahli serta membayar yuran kepada pertubohan itu.

Oleh kerana memandang akan hal tersebut maka Kerajaan Brunei telah mengeluarkan satu Ma'lumat untuk menerangkan hal yang sebenarnya kepada orang2 ramai mengenai pendaftaran Party Ra'ayat Chawangan Brunei.

Untuk pengetahuan orang2 ramai maka kita siarkan dengan sapenohnya kesemua kandongannya itu saperti berikut:-

"Kerajaan perchaya bahawa sabilangan orang2 ramai menyangka iaitu PARTY RA'AYAT CHAWANGAN BRUNEI telah didaftarkan oleh Kerajaan Brunei; dengan sebab itu mereka sedang mengisi borang2 menjadi ahli, dan juga membayar yuran kepada PARTY itu.

"Perkara yang sebenarnya ialah permintaan untuk mendaftarkan pertubohan itu telah dibuat kepada Kerajaan pada 31 January, 1956. Penaja pertubohan itu telah diberi tahu bahawa tujuan2 dan dasar2 pertubohannya itu hendaklah dihantar-kan kepada Kerajaan Brunei dengan bertulis dalam masa satu bulan dari tarikh itu. Tujuan2 dan dasar2 itu baharu sahaja diterima dan akan ditimbangkan terlebih dahulu sebelum meluluskan pendaftarannya. Pada masa ini Party itu belum lagi rasmi didaftarkan.

"Ma'lumat ini adalah diberi kepada orang2 ramai hanya untuk memberi tahu kepada mereka bahawa jikalau mereka dengan sabetulnya membayar yuran kepada pertubohan ini, mereka adalah membayar yuran kepada sabuah pertubohan yang belum didaftarkan oleh Kerajaan dan dengan itu tidaklah diakui oleh undang2".

Selain daripada itu dinyatakan bahawa mengikut Undang2 Negeri Brunei, saorang Pegawai Kerajaan Negeri ini dilarang menjadi ahli jawatan kuasa sebarang pertubohan politik atau memegang jawatan pertadbirannya, atau menjalankan dengan terang atau sebaleknya sebagai saorang wakil politik pertubohan itu atau kerana sebarang ahlinya.

Selanjutnya undang2 tersebut menyatakan bahawa sasaorang Pegawai Kerajaan adalah dilarang juga memberi sharahan di sebarang perjumpaan umom yang mengenai dengan pertubohan itu dan juga daripada mengambil sebarang bahagian umom untuk mengembangkan dasar pertubohan itu.

PENDAFTARAN PERTUBOHAN2 DI BRUNEI

Tiap2 pertubohan yang ditubuhkan didalam Negeri Brunei hendaklah didaftarkan dalam tempoh satu bulan samenjak tarikh penubohan pertubohan itu, dan tidaklah boleh sebarang pertubohan mengubahkan Dasarnya atau menjadi Chawongm dari mana2 pertubohan luar negeri dengan tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar Pertubohan2 Negeri Brunei.

Pertubohan2 yang dikahendaki mendaftar termasuklah club2, sharikat2, pakatan2 atau persatuan2 yang mempunyai ahlinya sabanyak 10 orang atau lebeh, kechuali sebarang badan yang didaftarkan dibawah Undang2 Pendaftaran pada masa itu bersangkut paut dengan badan yang ditubuhkan dan dijalankan samata2 untok sebarang chara yang halal; sebarang sharikat atau persatuan (termasok sharikat bekerja sama) yang ditubuhkan dibawah sebarang Undang2 yang tertulis atau dibawah "Royal Charter" atau Surat2 Akuan dari Baginda Queen atau dibawah mana2 Undang2 "Parliament" United Kingdom atau daripada mana2 Peraturan dari Jajahan British; sebarang badan dari "Freemason" yang dituboh dibawah mana2 pertubohan "Freemason" yang diakui di United Kingdom dan Ireland Utara; mana2 persatuan buruh yang didaftarkan dibawah sebarang Undang2 yang tertulia pada masa itu mengawali persatuan buruh atau mana2 Sekolah Kerajaan atau Sekolah, atau Jawatan Kuasa Tadbir dari satu2 Sekolah yang didaftarkan dibawah Undang2 yang pada masa itu mengawali Sekolah2.

A M A R A N

Pendaftar Pertubohan2 Negeri Brunei memberi AMARAN bahawa jika mana2 pertubohan yang di kahendaki mendaftar dibawah Undang2 Pertubohan tidak mengambil langkah mendaftar sahingga 29 February, 1956, maka beliau terpaksa akan menjalankan penda'waan jenayah keatas Pegawai2 dan Ahli2 dari pertubohan itu.

Pegawai2 dan Ahli2 dari semua pertubohan di Brunei adalah diberi AMARAN juga, iaitu mereka hendaklah faham berkenaan dengan butir2 yang terkandung dalam Undang2 Pertubohan dan semua Peraturan2 yang dibuat dibawahnya itu.

Barang siapa yang tidak faham berkenaan dengan perkara tersebut, hendaklah berhubung dengan Pendaftar Pertubohan2 di Brunei, di Ibu Pejabat Police, Pekan Brunei atau daripada Pejabat Timbalan Pendaftar Pertubohan2 di Ibu Pejabat Police, Kuala Belait, supaya dapatlah diberi keterangan2 yang lebeh lanjut.

BELON2 CHUACHA DI BRUNEI

Kerajaan Amerika Sharikat telah melepaskan beberapa banyak belon2 chuacha ("meteorological balloons") yang besar dengan membawa perkakas2 radio dan lain2 alat ka angkasa yang amat tinggi dari bumi ini; belon2 itu melambong hingga lebeh daripada 30,000 kaki.

Belon2 itu akhirnya.

Belon2 itu akhirnya akan pecah dan jatuh ka bumi, tetapi alat2 didalamnya akan mendaftarkan keterangan2 yang sangat mustahak kepada pemandu2 kapal terbang.

Adalah difahamkan bahawa sabilangan dari belon2 chuacha itu akan jatuh di Brunei.

Barang siapa yang menjumpai belon2 itu hendaklah mengutipnya dengan chermat bersama2 dengan alat2nya itu dan serahkan kepada Penulong Resident atau kepada Pegawai Daerah yang berdekatan.

Penulong Resident atau Pegawai Daerah pula akan mengambil nama dan alamat orang yang membawa belon2 itu, dan ia akan menulis masa dan tempat dinana belon2 chuacha itu telah dijumpai.

Belon2 itu kemudiannya akan dihantarkan kepada Konsol Amerika Sharikat di Singapura dan Kerajaan Amerika Sharikat akan membayar kembali perbelanjaan orang2 yang membawa belon2 itu dan juga memberi hadiah kepada orang2 itu atas usaha mereka.

Penulong Resident atau Pegawai Daerah yang menerima belon2 dan alat2 belon itu hendaklah membungkusnya dengan baik dan menghantarnya dengan sabarapa segera kepada Controller of Civil Aviation, Brunei dengan keterangan2 yang dibawah ini :-

Nama orang yang membawa belon itu; alamatnya yang lazim; dimana belon itu dijumpai; masa dan tarikh belon itu dijumpai; tanda keterangan diatas belon atau lain2 alat dan taksiran perbelanjaan yang digunakan pada masa membawa belon itu dan kembali ka alamatnya yang lazim.

Kesemua anggota Police, Pertanian dan anggota Jabatan Perhutanan hendaklah berjaga2 menchari belon2 itu dan hendaklah menyiasat dalam Kampong2 serta dari peladang2, kalau2 belon2 chuacha itu dilihat

✓ PESUROH JAYA GAJI MELAWAT BRUNEI

Mr. L. Bain, Pesuroh Jaya Gaji dari Pejabat Jajahan Ta'lok British di London, telah melawat Brunei pada hari Khamis 19 January, 1956 untok mengkaji tangga gaji Pegawai2 Kerajaan Brunei dari semua peringkat.

Beliau telah mengadakan satu pertemuan dengan Wakil2 dari semua Bahagian Pegawai Kerajaan di Pejabat Kerajaan, Pekan Brunei pada hari tersebut dalam mana beliau telah menerima shor2 berkenaan dengan tangga gaji baharu yang dikemukakan kepadanya oleh Wakil2 itu.

Adalah difahamkan bahawa hasil dari penyiasatannya itu yang akan disampaikan kepada Kerajaan Brunei, dijangka akan diselesaikan pada penghujung bulan March, 1956.

Sesudah mengadakan pertemuan tersebut, Pesuroh Jaya Gaji itu telah berangkat ka Seria untok menyiasat tangga gaji anggota2 British Malayan Petroleum Company Limited.

PESUROH JAYA AGONG TENGGARA ASIA MELAWAT BRUNEI

Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia, Yang Amat Berhormat Sir Robert Heatlie Scott, serta Lady Scott, telah melawat Negeri Brunei pada julong2 kali samanjak Yang Amat Berhormat itu memegangkan jawatan yang tinggi itu baharu2 ini.

Kedua2 beliau tersebut telah tiba di Brunei dengan kapal terbang dari Singapura pada petang hari Ithnin 23 January, 1956 dengan disambut oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin; Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Yang Terutama Sir Anthony Foster Abell; dan British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert.

Pada hari Thalatha 24 January, 1956 Sir Robert Scott telah menghadziri Persidangan Satengah Tahun Antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara, di Lapau, Bandar Brunei dengan sifat beliau sebagai Pengurus Per-sidangan itu.

Persidangan yang bersejarah itu telah dihadziri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; Setia Usaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar; Governor Negeri Sarawak, Yang Terutama Sir Anthony Foster Abell; Chief Secretary Negeri Sarawak, Yang Berhormat Mr. J. Ellis; Dato Bandar Negeri Sarawak, Yang Amat Berhormat Abang Haji Mustafa; Governor Borneo Utara, Sir Roland Evelyn Turnbull; Chief Secretary Borneo Utara, Yang Berhormat Mr. B.J. O'Brien; Yang Berhormat Mr. Chung Chao Lung (saorang Ahli Majlis Mashuarat Negeri, Borneo Utara); Setia Usaha kepada Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia, Mr. J.O. Kiddle dan juga Yang Amat Berhormat Sir Robert Scott.

Sir Robert Scott dan Lady Scott telah dira'ikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei disatu Majlis Jamuan Minuman yang meriah di Istana Darul Hana, Temasek, Brunei pada malam hari Thalatha itu dan kemudian Sir Robert Scott, Lady Scott dan ahli2 jemputan yang lain telah menghadziri temasha Silat dan Kuntau Seluroh Brunei yang telah dilansungkan di halaman Istana Darul Hana.

Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia itu telah menyampaikan hadiah2 kepada orang2 yang berjaya dalam Peraduan Silat dan Kuntau Seluroh Brunei itu.

Sir Robert Scott, serta Lady Scott, dengan di iringi oleh Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Yang Terutama Sir Anthony Foster Abell telah berangkat dari Lapangan Terbang Berakas, Brunei pada pagi hari Rabu 25 January, 1956 ka Seria dengan menaiki kapal terbang khas kepunyaan British Malayan Petroleum Company Limited.

Ketika tiba di Lapangan Terbang Anduki, Seria, Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia itu telah disambut oleh Managing Director, British Malayan Petroleum Company Limited, Mr. R.E. Hales dan isteri beliau; Technical Manager, British Malayan Petroleum Company Limited, Mr. T.R. Groundwater; Penulong Resident, Belait, Mr. P.A. Coates; dan O.C.P.D. Belait, Mr. P.J. Stone.

Sir Robert Scott....

Sir Robert Scott. Lady Scott dan Sir Anthony Abell telah dibawa melawat ka tempat2 menggali minyak serta menyaksikan pekerja2 sedang giat melakukan pekerjaan masing2. Beliau2 itu juga dibawa melihat tempat2 yang lain dan diantaranya mereka telah melawat ka Sekolah Pertukangan dan Asramanya.

Meskipun Sir Robert Scott telah berada di Kota Lom-bong Minyak tersebut hanya sedikit masa sahaja, tetapi dalam masa yang singkat itu, beliau sangatlah tertarik hati melihat berbagai rupa perusahaan2, pekerjaan2 dan pembenaan2 yang diselenggarakan oleh Sharikat Minyak tersebut.

Menurut keterangan Sir Robert Scott kepada akhbar "SALAM" yang diterbitkan oleh British Malayan Petroleum Company Limited, beliau telah melawat hampir2 kesemua negara di sebelah Timor Asia, tetapi beliau belum pernah melihat sabuah tempat pun yang dapat menandingi kemajuan dan perkembangan yang telah dibuat oleh padang minyak itu.

Kemajuan2 yang diperolehi oleh Sharikat Minyak tersebut, tegas Sir Robert Scott, sangatlah mena'jubkannya, menekala perbandingan kemajuan yang di hasilkannya sungguh mengejutkan; apalagi kalau di fikirkan bahawa disabuah daerah yang letaknya tidak jauh dari negara minyak ini, terdapat tanah2 yang maseh kosong tidak dapat di kerjakan oleh orang, luas terbentang dengan tidak mempunyai sabarang perusahaan sedikit pun.

Sesudah melawat Seria, Pesuruh Jaya Agong Tenggara Asia itu dan isteri beliau telah berangkat ka Miri, Sarawak. Dari sana beliau2 telah melawat ka Bintulu, Sibul dan ka Kuching, kemudian balek ka Singapura dengan kapal terbang Malayan Airways.

LAWATAN DYMM SULTAN BRUNEI KA SOAS COLLEGE, BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, dengan di iringi oleh Setia Usaha Sulit kapada Baginda, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar dan A.D.C. kapada Duli Yang Maha Mulia, Yang Mulia Inche' Abas Al-Sufri, telah melawat Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei pada hari Rabu 18 Januari, 1956.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei telah di sambut oleh State Education Officer, Brunei, Mr. H.J. Padmore; Penguasa Pelajaran Melayu, Che' Marsal bin Ma'un; dan oleh Pengetua Maktab tersebut, Mr. I.A. Bradshaw.

Sesudah memeriksa bilek2 darjah dan di perkenalkan kapada Guru2 Maktab itu oleh Pengetuannya, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan dan pelawat2 yang lain telah dira'ikan disatu Majlis Jamuan Teh disabuah bilek Maktab tersebut.

PENUNTUT2 BRUNEI DI ENGLAND DAN DI AUSTRALIA

Seramai 8 orang penuntut2 dari Brunei, mengandongi 6 orang Melayu dan 2 orang China, sedang melanjutkan pelajaran mereka di England dan di Australia. Lima orang daripada penuntut2 itu telah dihantarkan ka negeri2 itu atas perbelanjaan perchuma Kerajaan Brunei, manekala 3 orang lagi sedang belajar dengan perchuma dibawah Ranchangan Colombo.

Penuntut2 yang bertuah itu ialah Inche' Isa bin Ibrahim, Inche' Talib Darwish, Awangku Ismail bin Pengiran Mahmood dan Inche' Johar bin Noordin (kesemuanya sedang belajar di England), serta Inche' Abdul Hamid bin Jaafar, Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera, Mr. Michael Chong dan Mr. Anthony Chin (keempat2nya sedang belajar di Australia).

Inche' Isa bin Ibrahim sedang belajar di Chartway Sevenoaks School, Kent. Satelah tamat pelajarannya di sekolah itu, ia dijangka akan masok belajar disabuah University untok mempelajari Ilmu Undang2.

Inche' Talib Darwish sedang belajar Ilmu Jurutera di Brighton Technical College, England.

Awangku Ismail bin Pengiran Mahmood dan Inche' Johar bin Noordin sedang belajar di Milfield School, Somerset, England.

Inche' Abdul Hamid bin Jaafar sedang belajar Ilmu Pertanian di Gatton Technical College, Queensland, Australia.

Awangku Idris bin Pengiran Kerma Indera sedang belajar di Technical School, Leederville, Australia. Ia akan belajar Ilmu Kedokteran satelah tamat latehan permulaan di sekolah itu.

Mr. Michael Chong sedang belajar Ilmu Jurutera dan Mr. Anthony Chin juga sedang belajar Ilmu Jurutera di Maktab2 Teknikal di Australia.

Penuntut2 yang akhir sekali berangkat ka luar negeri ialah Inche' Isa bin Ibrahim dan Inche' Abdul Hamid bin Jaafar.

Inche' Isa ialah anak kapada Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar, Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Ia dilahirkan di Brunei 20 tahun yang lalu dan mulai belajar di Sekolah Melayu Pekan Brunei. Satelah lulus dalam peperiksaan di sekolah Melayu itu, ia melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris Kerajaan Brunei, dan kemudian di Roman Catholic School, Brunei.

Oleh kerana chenderong hendak belajar bahasa Inggeris dengan seberapa tinggi sanenjak ia maseh kecil lagi, maka ia di hantarkan oleh ayahnya ka Pulau Pinang dimana ia telah belajar selama 3 tahun di Stamford School.

Inche' Isa balek ka Brunei pada penghujung tahun

1950 dan pada awal tahun 1951 ia dipilih menjadi seorang kerani di Pejabat Pelajaran, Brunei.

Ia berhenti dari jabatan tersebut setelah bekerja selama satu tahun atas kemahuannya sendiri dan berangkat pula ke Singapura untuk menyambungkan pelepasannya lagi di sekolah2 Inggeris disana.

Pada masa berada di Singapura selama 3 tahun 9 bulan, Inche' Isa telah belajar di Victoria Continuation Afternoon School dan kemudian di Beatty Secondary School. Ia balek ke Brunei pada bulan December 1955 setelah masuk peperiksaan Darjah Sembilan ("Senior Cambridge") dan telah berangkat ke England pada awal bulan January tahun ini.

Inche' Abdul Hamid bin Jaafar, berumur 26 tahun, telah dilahirkan di Brunei. Ia lulus peperiksaan Darjah Enam di Roman Catholic School, Brunei.

Pada tahun 1948 Kerajaan Brunei telah menghantarkan Inche' Abdul Hamid ke Maktab Pertanian, Serdang, Selangor, Persekutuan Tanah Melayu untuk mempelajari Ilmu Pertanian disana selama satu tahun.

Pada masa ia balek ke Brunei, Inche' Abdul Hamid telah berkhidmat di Jabatan Pertanian disini. Dalam masa perkhidmatan di Jabatan itu ia telah bekerja dengan bersungguh2 dan kerana hal sademikian, maka Kerajaan Brunei telah menghantarkan Inche' Abdul Hamid ke Kuching dimana ia telah belajar Ilmu Pertanian selama 2 tahun.

Inche' Abdul Hamid telah balek ke Brunei setelah tamat pelajarannya di Kuching dan pada masa itu Kerajaan Brunei telah melanteknya memegang jawatan Penolong Pegawai Pertanian.

Sabelum berangkat ke Australia, Inche' Abdul Hamid telah belajar Ilmu2 Hisab, Ilmu Kimia ("Chemistry") dan Ilmu Fisik ("Physics") di Government English School, Brunei (pada masa ini telah ditukarkan nama sebagai Sultan Omar Ali Saifuddin College) selama 9 bulan atas perbelanjaan perkhidmatan Kerajaan Brunei.

GURU2 PEREMPUAN BRUNEI KE MAKTAB PERGURUAN KENT

Jabatan Pelajaran Negeri Brunei telah memilh 6 orang Guru2 Pelatah Perempuan dari Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri Brunei sebagai chalon2 berlatah yang baharu ke Maktab Perguruan Kent, Tuaran, Jesselton, Borneo Utara pada tahun ini seperti berikut :-

Dayangku Maimunah binte Pengiran Damit dan Hidup binte Gantang (kedua2nya dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal-ul-Alam, Pekan Brunei), Tiamah binte Haji Safar (Sekolah Bunut, Bahagian Brunei), Ludi binte Lakin (Sekolah Tanjong Maya, Tutong), Sa'adiah binte Kikil dan Norzainah binte Malek (kedua2nya dari Sekolah Seria).

Mereka telah berangkat ke Tuaran pada 27 January, 1956.

PUSAT LATEHAN GURU2 MELAYU NEGERI BRUNEI

Kerajaan Negeri Brunei telah bersetuju mengadakan sebuah Pusat Latehan bagi melatih Guru2 Melayu Negeri Brunei yang ditempatkan di Bandar Brunei.

Bagi sementara, latehan itu dijalankan disuatu bangunan sementara dalam kawasan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal-ul-Alam, Pekan Brunei.

Dengan tertubuhnya Pusat Latehan Guru2 tersebut, maka pihak Kerajaan Brunei tidaklah akan menghantar lagi Guru2 Melayu mempelajari di Sekolah Latehan Guru2 di Batu Lintang, Kuching, Sarawak. Meskipun begitu, hantaran Guru2 Melayu ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim dan ke Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka, di Persekutuan Tanah Melayu, serta juga ke Maktab Perguruan Kent, di Tuaran, Jesselton, Borneo Utara akan diteruskan juga.

Pegawai2 dalam Pusat Latehan Guru2 Melayu ini, ialah Pegawai2 Latekan Sementara sahaja. Mr. P. Spicer ialah Pengetua Pusat Latehan ini, manakala Guru yang kanan ("Senior Tutor") ialah Inche' Yusoff bin Mohamed (Pegawai Pinjaman dari Johore, Persekutuan Tanah Melayu) dengan dibantu oleh Che' Gu Mohamed Sum bin Hashim dari Brunei.

Pusat Latehan ini telah dimulakan pada 18 January, 1956 dan pada masa inimenyandang seramai 22 orang penuntut2 terdiri dari 14 orang penuntut2 tahun pertama dari Sekolah Latehan Guru2 di Batu Lintang, Kuching; 7 orang penuntut2 tahun kedua dari Sekolah Latehan Guru2 di Batu Lintang juga dan seorang Guru Perempuan, iaitu Che' Gu Pengiran Umi binte Pengiran Idrus dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal-ul-Alam, Brunei.

PENUNTUT2 BAHARU

Penerimaan penuntut2 baharu dijangka akan dijalankan dalam bulan June atau July tahun ini, iaitu apakala bangunan yang berhubung dengan Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei telah disiapkan.

20 ORANG PENUNTUT2 DI BRUNEI LULUS PEPERIKSAAN

"SARAWAK JUNIOR CERTIFICATE"

Seramai 20 orang penuntut2 dari 3 buah Sekolah2 Inggeris dalam Negeri Brunei, telah lulus peperiksaan "Sarawak Junior Certificate" yang telah dijalankan pada bulan December, 1955 dibawah anjuran Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Penuntut2 yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut, ialah :-

Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei : Rachael Daniel, Abdul Aziz bin Umar, Abdul Hamid bin Ja'afar, Hassan bin Mohammed Yusof, Mohammed Ali bin Mohammed Daud, Mohammed Ja'afar bin Noordin dan Zakaria bin

Sulaiman...

Sulaiman.

Government English School, Seria; Florence Yeow Swan Choo, Ann Irene Jenkins, Jusnani binte Iawie, Lau Chung Foon, Abdul Rahman bin Kahar, Abidin bin Abdul Rashid dan Md. Taib bin Md. Said.

Saint Michael's School, Seria : Jean Clark, Cecelia Lai, Adanan bin Ali Hassan, Chiam Heng Cheng, Chong See Kui dan Simon Yeo.

PEPEREKSAAN KERANI2 JAWATAN RENDAH

Kerani2 Jawatan Rendah Kerajaan Brunei yang telah lulus dalam Peperiksaan Kerani2 Jawatan Rendah pada akhir tahun 1955 ialah seperti berikut :-

Malai Hamid bin Shariff Masdok, Awangku Sallehuddin, Kamaluddin bin Abu Bakar, Abdul Hamid bin H. Metassin, Awangku Momin bin Pengiran Damit dan Pengiran Idris bin Pengiran Metassin.

DATO MAHARAJA SETIA

Inche' Dian bin Kapal telah dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dengan gelaran "Dato Maharaja Setia" baharu2 ini.

INCHE' SUHAIMI KA KUCHING

Inche' Suhaimi bin Haji Ismail, seorang Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian, Bandar Brunei telah berangkat ka Kuching, Sarawak baharu2 ini kerana mempelajari Kursus Penulong Pegawai Pertanian di Agricultural Staff Training School, Kuching.

Beliau akan mempelajari Kursus tersebut selama 18 bulan atas perbelanjaan perchuma Kerajaan Brunei.

WARTAWAN INGGERIS MELAWAT BRUNEI

Mr. George Voigt, seorang Wartawan Inggeris yang terkenal, dari Majallah Mingguan "TIME" bersama2 dengan Mr. P. Anderson, tukang gambar Majallah itu juga telah melawat Brunei dari Singapura baharu2 ini.

Satelah menjalankan...

Satelah menjalankan kewajipan mereka di Bandar Brunei, maka pelawat2 itu telah berangkat ka Seria pula dengan ditemani oleh Penulong Pegawai Penerangan Kerajaan Brunei, Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

× JAWATAN KUASA KEWANGAN NEGERI BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, dalam Majlis Mashuarat Negeri Brunei, telah melantek beliau2 dibawah ini menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Kewangan Negeri Brunei pada tahun 1956:-

State Treasurer (Pengurus); Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Kerma Indera.

× DR. WALLACE TIBA DI BRUNEI PADA 23 FEBRUARY
MENGUBATI ORANG2 YANG MENGIDAP
SAKIT MATA

Dr. E.H. Wallace, saorang Tabib Mata yang bijak akan tiba di Brunei pada hari Khamis 23 February, 1956 untuk melihat dan mengubati orang2 yang mengidap sakit mata di tempat mengubati sakit mata di General Hospital, Bandar Brunei.

Untuk menyenangkan pekerjaan2 yang akan dilakukan, maka akan disediakan sabuah Buku Pertemuan2 dimana akan didaftarkan nama orang2 yang mengidap sakit mata yang berkehendak pertolongan dari Tabib Mata tersebut.

Barang siapa yang berkehendak pertolongan itu hendaklah memberi nama mereka kepada Pegawai Perubatan, General Hospital, Bandar Brunei dengan sabberapa segera.

Ketua2 Kampong adalah dikehendaki juga memberi nama orang2 yang berkehendak pertolongan tersebut kepada Pegawai Perubatan yang terma'lom supaya dapatlah beliau mendaftarkan nama orang2 yang mengidap sakit mata dan menyerahkan Buku Pertemuan2 itu kepada Tabib Mata tersebut pada masa beliau tiba di Bandar Brunei.

Jadual masa mengubati orang2 yang mengidap sakit mata itu adalah saperti berikut :-

Minggu Pertama : Bandar Brunei; Minggu Kedua : Sekolah2 dan Daerah Timor, Brunei; Minggu Ketiga : Daerah Barat; Brunei; dan Minggu Keempat : Bandar dan Daerah Brunei.

9 PEMBESAR2 DI BORNEODIKURNIAKAN GELARAN TAHUN BAHARU

Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II telah anugerahkan gelaran2 kehormatan Tahun Baharu, 1956 kepada 9 orang pembesar2 di Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.

Governor Borneo Utara - K.C.M.G.

Governor Borneo Utara dan juga Panglima Agong Borneo Utara, Yang Terutama Mr. Roland Evelyn Turnbull, telah di anugerahkan oleh Baginda Queen dengan Martabat K.C.M.G. ("Knight Commander of Saint Michael and Saint George").

Tuan Yang Terutama itu, yang sekarang ini dipanggil Sir Roland Evelyn Turnbull, telah biasa juga memegang satu jawatan yang penting di Brunei, iaitu sebagai British Resident, Brunei pada tahun 1934.

D.P.P. - O.B.E.

Wazir Yang Kedua Negeri Brunei serta juga Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ibni Almerhum Pengiran Anak Abdul Rahman, telah di anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Martabat O.B.E. Kehormat ("Honorary Officer of the Order of the British Empire").

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah dilahirkan di Brunei pada tahun 1918. Beliau telah menuntut pelajaran di Malay College, Kuala Kangsar, Perak, Malaya selama 6 tahun pada masa sebelum perang, iaitu dari tahun 1932 hingga ka tahun 1937.

Satelah kembali ka Brunei pada tahun 1938, beliau telah berkhidmat sebagai seorang Kerani Mahkamah dan sesudah bekerja dengan tekun dan rajin selama sebelas tahun dalam perkhidmatan Kerajaan Brunei, maka Yang Teramat Mulia itu telah dilantek menjadi seorang Hakim. Beliau telah ditukarkan ka Temburong pada tahun 1950 menjadi Pegawai Daerah.

Tidak berapa lama sebelum Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin pada tahun 1951, maka Yang Teramat Mulia itu telah di anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dengan gelaran Duli Pengiran Pemancha, Wazir Yang Kedua, Negeri Brunei.

Dato Bandar Sarawak - C.B.E.

Dato Bandar Sarawak, Yang Amat Berhormat Abang Haji Mustafa, yang juga memegang jawatan Penaschat Hal Ehwal Orang2 Melayu Sarawak, telah di anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Martabat C.B.E. ("Commander of the Order of the British Empire").

Enam orang lagi di Borneo yang telah berjasa kepada masyarakat telah di anugerahkan Martabat2 seperti berikut :-

O.B.E.- Mr. John...

O.B.E.- Mr. John Iyall Greig, Pengarah Jabatan Pertanian, Borneo Utara; dan Mr. Chung Chao Lung dari Borneo Utara.

M.B.E. (Bahagian Awam)- Mr. Hamish Mac Gregor, Pengelola Rumah Sakit Kusta, Sarawak; dan Mr. Wong Sing dari Sarawak.

M.B.E. Kohormat (Bahagian Awam)- Mr. Tze Shuen Sung, Guru Besar, Chung Hwa School, Kuala Belait, Brunei; dan Mr. Chin Tin Onn, Hospital Assistant, Jabatan Perubatan, Borneo Utara.

★ LANTEKAN BAHARU PEGAWAI2 KERAJAAN BRUNEI

Mr. R.H. Morris, Penulong Resident, Brunei telah berhenti dari jawatannya itu mulai 3 January, 1956 dan di lantek memangku jawatan State Treasurer, Brunei mulai 23 January, 1956 menggantikan jawatan Mr. E.W. Cousens, State Treasurer, Brunei pada masa Mr. E.W. Cousens berchuti.

Mr. D.L. Bruen telah dilantek menjadi Penulong Resident, Brunei mulai 3 January, 1956 menggantikan jawatan Mr. R.H. Morris.

Mr. J.A.R. Anderson telah dilantek menjadi State Forest Officer, Brunei mulai 21 January, 1956 menggantikan jawatan Mr. B.E. Smythies, State Forest Officer, Brunei yang telah berhenti dari tarikh itu juga.

Mr. Oleg Vitte, telah di lantek menjadi Penulong State Engineer, Brunei mulai 23 January, 1956.

Mr. L.A. Bradshaw, Pengetua Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei telah di tambah lagi kuasanya sebagai Pemangku Pegawai Pelajaran Daerah, bagi Daerah Brunei mulai dari 11 January, 1956.

Mr. J.L. Atherton, Pengetua Government English School, Seria telah di tambah kuasanya sebagai Pemangku Pegawai Pelajaran Daerah, bagi Daerah Belait dan Seria, termasuk Sekolah2 di Sungei Tutong, Tutong dan Penanjong, mulai 11 January, 1956.

Mr. G.G. Watson telah dilantek menjadi Penulong Pengetua, Government English School, Seria mulai dari 11 January, 1956.

Mr. M. MacInnes, Guru Ilmu Science di Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei telah dilantek menjadi Penulong Pengetua Maktab itu mulai dari 1 January, 1956.

AL-ISLAM DZAHIR

Telah SELAMAT dzahir ka dunia, di sambut dengan 17 das mariam di raja pada petang hari Juma'at 17 February, 1956, ialah PENGIRAN ANAK PUTERI AMMAL UMI KALTHOM AL-ISLAM, puteri katiga bagi Duli2 Y.M.M. Sultan dan Raja Isteri Brunei. (Berita lanjut: Tunggu keluaran akan datang-PENGARANG)

PERADUAN SILAT DAN KUNTAU SELUROH BRUNEI 1956JOHAN2 DAERAH BRUNEI MENANG

Peraduan Akhir Silat dan Kuntau, diantara Johan2 dari kesemua Daerah2 seluroh Brunei, telah di laksanakan di kawasan Istana Darul Hana, Temasek, Brunei pada malam hari Thalatha 24 January, 1956 dengan beroleh kejayaan yang besar.

Temasha itu telah diserikan dengan kehadiran Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin; Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia, Yang Amat Berhormat Sir Robert Hoatlie Scott; Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei dan juga Governor Sarawak, Yang Terutama Sir Anthony Foster Abell; Governor Borneo Utara, Yang Terutama Sir Roland Evelyn Turnbull; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Dato Bandar Sarawak, Yang Amat Berhormat Abang Haji Mustafa; Setia Usaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Jahfar; A.D.C. kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Yang Mulia Inche' Abas Al-Sufri, serta beberapa orang pembesar2 dari Brunei, Sarawak, Borneo Utara.

Haji Mohidin bin Pengarah Persch (Johan Silat Daerah Brunei) telah mendapat gelaran Johan Silat Seluroh Negeri Brunei, 1956 apabila ia berjaya mengalahkan Sandan Anak Ragai (Johan Silat Daerah Belait) dalam pusingan akhir yang paling hebat, dengan mengambil masa 17 minit.

Terlebih dahulu, Haji Mohiddin mengalahkan Awang Metasan bin Sulaiman (Johan Silat Daerah Seria dalam pusingan pertama, dan kemudian dalam pusingan kedua ia mengalahkan Mat Don bin Arshad (Johan Silat Daerah Tutong).

Sandan pula mengalahkan Metusin (Johan Silat Daerah Tembungong) dalam pusingan pertama dan terus melawan Haji Mohidin dalam pusingan akhir.

Mohsin bin Md. Yasin (Johan Kuntau Daerah Brunei) telah mengalahkan Mohandi bin Linyan (Johan Kuntau Daerah Belait) dalam pusingan akhir. Dalam pusingan pertama, Mohandi mengalahkan Ah Tan (Johan Kuntau Daerah Tutong) dan melawan Mohsin dalam pusingan akhir. Mohsin pula mengalahkan Unding Anak Dungau (Johan Kuntau Daerah Tembungong) dalam pusingan kedua. Sabelun melawan Mohsin, Unding Anak Dungau telah mengalahkan Jeludin bin Salin (Johan Daerah Seria) dalam pusingan pertama.

Yang Amat Berhormat Sir Robert Scott, Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia, telah menyampaikan hadiah2 kepada orang2 yang telah berjaya dalam Peraduan Silat dan Kuntau seluroh Negeri Brunei tahun 1956.

X BRUNEI SPORTS CLUB

Brunei Sports Club, iaitu sabuah persatuan sukan yang telah ditubuhkan di Bandar Brunei baharu2 ini, telah mengadakan Mashuarat Agong Pembuohannya bertempat

di dewan Pejabat...

di dewan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei dengan beroleh kejayaan yang besar.

Majlis tersebut telah dipimpin oleh Inche' Hamidoon bin Awang Damit sebagai Pengurusi dengan dibantu oleh Mr. C.B. Humphries sebagai Setia Usaha dan dihadziri oleh ramai penggemar2 sukan dari berbagai bangsa.

Para hadzirin di Majlis itu telah meluluskan Undang2 Brunei Sports Club setelah diadakan pindaan2 serta melantek Pegawai2 persatuan sukan itu saperti berikut :-

President, Mr. D.L. Bruen (Penulong Resident, Brunei); Setia Usaha Yang Kehormat, Mr. C.B. Humphries; Bendahari Yang Kehormat, Mr. M.D. Graham; Setia Usaha Sukan Yang Kehormat, Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Setia Usaha Penghiboran, Mr. Paul Carson; Setia Usaha Minuman, Mr. Jimmy Moldrich.

Ahli2 Jawatan Kuasa, Pengiran Kerma Indera Mohamed, Inche' Hamidoon bin Awang Damit dan Mr. Patrick Mc Afee.

Barang siapa, sama ada lelaki atau perempuan dari sebarang bangsa, yang berumur keatas 18 tahun, yang suka hendak menjadi ahli persatuan tersebut, silah berhubung dengan Setia Usahanya di Pejabat Kerja Raya, bahagian Road Section. Bayaran masok ialah \$ 10 menekala yuran bulanan \$3.

PERLAWANAN BOLA SEPAK SEKOLAH2 SELUROH BRUNEI

Pasokan bola sepak Government English School, Seria, Johan Seluroh Brunei pada tahun 1954, telah berjaya menyanggah semula gelaran Johan antara Sekolah2 Seluroh Brunei pada tahun yang lalu setelah Sekolah itu mengalahkan Sekolah Melayu Bukit Bendera, Tutong dalam perlawanan akhir yang telah dilansungkan di Padang Baharu, Pekan Brunei pada bulan January yang lalu.

Selain daripada memenangi gelaran yang baharu itu, Government English School, Seria juga telah menyanggah gelaran Johan Bola Sepak antara Sekolah2 seluroh Bahagian Belait pada tahun 1955.